2. The action of any lawfully constituted authority in suppressing or attempting to suppress any such disturbance or in minimizing the consequences of any such disturbance.

3. The willful act of any striker or locked-out worker done in furtherance of a strike or in resistance to a lock-out.
4. The action of any lawfully constituted authority in preventing or attempting to prevent any such act or in minimizing the consequences of any such act.

EXCLUSIONS

Provided always that the Company shall not be liable for any loss of or damage to the property insured occasioned by or through or in consequence, directly or indirectly, of any of the following occurrences, namely: -

- (a) War, invasion, act of foreign enemy, hostilities, or warlike operations (whether war be declared or not), civil war.
- (b) Mutiny, civil commotion assuming the proportion of or amounting to a popular rising, military rising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power.
- (c) Acts or terrorism committed by a person or persons acting on behalf of or in connection with any organization.

For the purpose of this Condition, "terrorism" means the use of violence for political ends and includes any use of violence for the purpose of putting the public or any section of the public in fear.

In any action, suit or other proceeding, where the Company alleges that by reason of the provisions of this Condition any loss or damage is not covered by this insurance, the burden of proving that such loss or damage is covered shall be upon the Insured.

Note: This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

POLISI SEMUA RISIKO

Bahawasanya Orang Yang Diinsuranskan telah dengan cadangan yang Orang Yang Diinsuranskan telah bersetuju akan menjadi asas kontrak ini dan akan dianggap tergabung di dalam ini memohon kepada The Pacific Insurance Berhad (selepas dari ini dipanggil "Syarikat") untuk indemniti yang terkandung selepas dari ini.

Sebagai balasan Orang Yang Diinsuranskan membayar Syarikat Premium Pertama bagi atau kerana indemniti tersebut, Syarikat bersetuju bahawa tertakluk kepada terma, pengecualian, had dan syarat-syarat yang terkandung di dalam ini atau yang diendorses di atasnya jika semasa mana-mana Tempoh Indemniti, Harta Yang Diinsuranskan atau mana-mana bahagiannya hilang atau rosak oleh sebarang kemalangan atau nasib malang ketika dalam Situasi maka Syarikat akan dengan pembayaran atau pada pilihannya dengan pengembalian semula atau membaiki, mengganti rugi Orang Yang Diinsuranskan terhadap kehilangan atau kerosakan demikian.

PENGECUALIAN

Indemniti yang terkandung sebelum ini tidak akan diguna pakai kepada mahupun termasuk: -

- Kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada:
 - Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak);
 - Perang saudara, dahagi, kekecohan awam yang mengandaikan kadar atau mencapai kepada kebangkitan orang ramai, kebangkitan tentera, insurreksi, pemberontakan, revolusi, pengkomplotan, rampasan kuasa pihak tentera;
 - Pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
 - Apa-apa perbuatan seseorang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan kegiatan ditujukan kearah penggulingan secara paksa mana-mana Kerajaan de jure atau de facto atau mempengaruhinya dengan pengganasan atau keganasan atau penjarahan, rampasan atau rompakan yang berkenaan dengan kejadian yang tersebut dahulu.
- Apa-apa akibat mogok atau rusuhan;
- Kecurian harta yang ditinggalkan di dalam
 - Kereta pelancongan atau boleh buka bumbung yang kosong.
 - Kenderaan kosong lain melainkan semua tingkap, pintu, petak bagasi atau but, bumbung dan cermin depan ditutup sama sekali dan dikunci dengan selamat;
- Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada haus dan lusuh, kemerosotan beransur-ansur, susut nilai, kerosakan atau kepincangan mekanikal atau elektrik, rama-rama, binatang perosak, sebarang proses membasuh, mencelup, membaiki atau memulih atau tindakan keadaan cahaya, atmosfera atau iklim (selain daripada kilat);
- Pecahnya atau calarnya kaca atau bahan lain bersifat rapuh atau getas (selain daripada kanta kamera) bukan kerana api atau pencuri;
- Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada penahan, perampasan, kemusnahan atau rekuisisi oleh Pejabat Kastam atau Pegawai lain atau Pihak Berkuasa atau melalui penyitaan atau jualan bawah mana-mana proses Undang-Undang atau peninggalan Harta Diinsuranskan;
- Sebarang kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan atau belanja apa saja yang menyebabkan atau timbul darinya atau

sebarang kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbang oleh atau yang timbul daripada pengionan radiasi atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Semata-mata untuk tujuan pengecualian ini pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses mampu diri pembelahan nuklear;

- Sebarang kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau disumbang oleh atau yang timbul dari bahan senjata nuklear.

SYARAT-SYARAT

Polisi ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pengungkapan kepada yang mana maksud tertentu telah dikenakan di dalam manamana bahagian Polisi ini atau Jadual hendaklah mempunyai maksud tertentu demikian di mana saja ia berada.

- Orang Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga munasabah bagi keselamatan Harta Yang Diinsuranskan dan dengan serta merta apabila mengetahui akan sebarang peristiwa yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan suatu tuntutan di bawah Polisi ini hendaklah:
 - Dalam hal kecurian atau kehilangan, beri notis kepada polis dan bed segala bantuan munasabah dalam menyebabkan penemuan dan hukuman mana-mana orang yang bersalah dan dalam mengesan dan menjumpai Harta;
 - Dalam semua hal bed notis bertulis dari situ kepada Syarikat atau kepada agen Syarikat yang terdekat jika Orang Yang Diinsuranskan berada di luar negara dan dalam masa tujuh hari dari situ serahkan kepada Syarikat tuntutan secara bertulis dan sediakan semua bukti dan keterangan terperinci demikian yang mungkin dengan munasabah diperlukan.

Tidak dalam hal apa pun juga Syarikat bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau kerosakan yang tidak diberitahu kepada Syarikat dalam masa tiga puluh hari selepas kejadian itu.

- Syarikat boleh pada bila-bila masa pada belanjanya sendiri menggunakan segala ikhtiar undang-undang atas nama Orang Yang Diinsuranskan untuk penemuan mana-mana Harta yang hilang dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah memberi segala bantuan munasabah bagi tujuan itu. Syarikat hendaklah berhak keatas mana-mana Harta untuk kehilangan yang mana suatu tuntutan dibayar di bawah ini dan Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menyempurnakan penyerahhakan dan jaminan demikian atas harta demikian sebagaimana diperlukan dengan munasabah.
- Jika pada masa sebarang kerugian atau kerosakan terdapat Insurans lain dilaksanakan oleh atau bagi pihak Orang Yang Diinsuranskan melindungi mana-mana Harta, liabiliti Syarikat di bawah ini hendaklah dihadkan kepada perkadaran setimpalnya atas kerugian atau kerosakan demikian.
- Tiada tuntutan boleh didapatkan balik di bawah ini jika manfaat kontrak yang terkandung di dalam ini terletak hak atas seseorang selain daripada Orang Yang Diinsuranskan melainkan kebenaran bertulis Syarikat padanya diperolehi terlebih dahulu.
- Indemniti yang diberikan oleh Polisi ini mungkin dibatalkan pada bila-bila masa dengan surat berdaftar dari Syarikat kepada alamat terakhir diketahui Orang Yang Diinsuranskan dan jika itu berlaku Syarikat akan mengembalikan bahagian pro-rata premium bagi bahagian yang belum tamat tempoh dalam Tempoh Indemniti. Bagi tujuan syarat ini pembatalan hendaklah

berkuatkuasa tujuh hari selepas masa notis pembatalan sepatutnya telah diterima oleh Orang Yang Diinsuranskan melalui Pos biasa.

6. Semua pertelingkahan yang timbul dari Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara, yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah atau jika mereka tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara, maka kepada keputusan dua orang Penimbang Tara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua bulan kalendar selepas diminta untuk berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi atau jika tiada persetujuan di antara Penimbang Tara, seorang Pengadil hendaklah dilantik oleh Penimbang Tara sebelum mendengar rujukan. Pengadil hendaklah bersidang bersama Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat tersebut dan membuat award hendaklah merupakan suatu syarat duluan kepada apa jua hak tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menafikan liabiliti kepada Orang Yang Diinsuranskan bagi apa-apa tuntutan di bawah ini dan tuntutan demikian tidak dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penafian demikian telah dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam ini, maka tuntutan itu hendaklah bagi semua tujuan dianggap telah digugurkan dan tidak selepas itu boleh didapatkan balik di bawah ini.
7. Mematuhi dan memenuhi sewajarnya akan terma, syarat dan pengendorsan Polisi oleh Orang Yang Diinsuranskan setakat yang ia berkaitan apa saja akan dibuat atau dipatuhi olehnya dan kebenaran pernyataan dan jawapan di dalam cadangan tersebut hendaklah menjadi syarat duluan apaapa liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang pembayaran bawah Polisi ini.

HAD-HAD

Liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini semasa mana-mana satu Tempoh Indemniti tidak akan melebihi:

berkaitan dengan mana-mana satu item Harta Diinsuranskan jumlah yang terletak bertentangannya;

berkaitan dengan kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana barang yang merupakan sebahagian pasangan atau set, nilai bahagian tertentu yang mungkin hilang atau rosak tanpa rujukan kepada nilai khas yang bahagian demikian mungkin ada sebagai pembentukan suatu pasangan atau set tetapi walau apa pun juga tidak melebihi bahagian bersekadar jumlah diinsuranskan berkaitan dengan pasangan atau set itu;

berkaitan dengan semua kerugian atau kerosakan, Jumlah Keseluruhan Yang Diinsuranskan.

Jika pada masa sebarang kehilangan atau kerosakan, jumlah diinsuranskan dengan mana-mana item hendaklah kurang daripada jumlah nilai harta dilindungi dengan itu, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dianggap Penanggung Insuransnya sendiri bagi perbezaan dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal kehilangan atau kerosakan demikian.

WARANTI, FASAL DAN PENGENDORSAN (Tidak termasuk di dalam Polisi melainkan dinyatakan di dalam Jadual)

A40 - WARANTI PREMIUM

Syarat penting dan mutlak khusus bagi kontrak insurans ini ialah bahawa premium kena dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh penanggung insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium prorata dalam tempoh mereka menanggung risiko. Sekiranya premium yang perlu dibayar selaras dengan waranti ini diterima oleh ejen sah penanggung insurans, pembayaran hendaklah dianggap diterima

oleh penanggung insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab bahawa premium perlu dibayar diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut hendaklah dipertanggungjawabkan kepada penanggung insurans.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini.

A41 - PENGENDORSAN SEWA BELT

Adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa syarikat yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah tajuk 'Kepentingan Kewangan' (selepas ini dirujuk sebagai Empunya) adalah empunya harta yang diinsuranskan dan harta tersebut tertakluk kepada Perjanjian Sewa Beli yang dibuat di antara Empunya bagi satu pihak dan Orang Yang Diinsuranskan sebagai pihak yang lain. Seterusnya difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa pembayaran yang dibuat berkaitan dengan kerugian atau kerosakan (kerugian atau kerosakan yang tidak dibaik pulih melalui pembaikan, pengembalian semula atau penggantian) di bawah terma Polisi ini hendaklah dibuat kepada Empunya selama mana mereka adalah empunya harta tersebut dan penerimaan mereka hendaklah menjadi pelepasan penuh dan muktamad Syarikat berhubung dengan kerugian atau kerosakan demikian.

Adalah difahami dan dipersetujui walaupun apa-apa peruntukan di dalam Perjanjian Sewa Beli yang bertentangan Polisi ini dikeluarkan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang dinamakan di dalam Jadual sebagai pihak prinsipal dan bukan sebagai ejen atau pemegang amanah untuk Empunya dan tidak ada di dalam ini ditafsirkan sebagai menjadikan Orang Yang Diinsuranskan sebagai ejen atau pemegang amanah untuk Empunya atau sebagai penyerahhakan (sama ada di sisi undang-undang atau kesaksamaan) oleh Orang Yang Diinsuranskan kepada Empunya akan hak, manfaat dan tuntutan di bawah Polisi ini.

Akhirnya difahami dan dipersetujui bahawa Orang Yang Diinsuranskan tidak akan menyerah hak, manfaat dan tuntutan di bawah Polisi ini tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat.

A42- PENGENDORSAN PAJAKAN

Adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa syarikat yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah tajuk 'Kepentingan Kewangan' (selepas dari ini dirujuk sebagai Pemberi Pajak) adalah empunya harta yang diinsuranskan dan bahawa harta demikian adalah perkara kepada Perjanjian Pemajakan yang dibuat di antara Pemberi Pajak sebagai satu pihak dan Orang Yang Diinsuranskan sebagai pihak yang lain dan seterusnya difahami dan dipersetujui bahawa Pemberi Pajak mempunyai kepentingan dalam apa-apa wang yang jika tidak kerana pengendorsan ini mungkin boleh dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini yang berhubung dengan kehilangan dan kerosakan ke atas harta (yang kehilangan atau kerosakan tidak dipulihkan dengan cara pembaikan, pengembalian semula atau penggantian di bawah terma Polisi ini) dan wang demikian hendaklah dibayar kepada Pemberi Pajak selama mana mereka adalah empunya harta tersebut dan penerimaan mereka hendaklah menjadi pelepasan penuh dan muktamad kepada Syarikat berkaitan dengan kerugian atau kerosakan demikian. Dengan adanya pengendorsan ini yang dipersetujui dengan jelas tidak ada apa-apa di sini akan mengubah atau memberi kesan ke atas hak dan liabiliti Orang Yang Diinsuranskan atau Syarikat masing-masing di bawah atau yang berkaitan dengan Polisi ini.

A43 - FASAL NILAI PASARAN

Adalah dengan ini difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian ke atas harta yang diinsuranskan di dalam ini, had indemniti Syarikat hendaklah nilai yang diinsuranskan atau nilai pasaran harta yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah, tertakluk kepada pemotongan sebarang lebihan dan amaun yang Orang Yang Diinsuranskan dikehendaki menanggung di bawah Polisi.

Untuk tujuan fasal ini, terma nilai pasaran hendaklah bermaksud nilai harta diinsuranskan di dalam ini pada masa kerosakan atau kerugian tolak potongan untuk haus dan lusuh dan/atau susutnilai.

Nilai Pasaran harta yang diinsuranskan bagi tujuan fasal ini hendaklah ditentukan dengan penilaian yang didapatkan oleh Syarikat dari pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi kos penggantian atau pengembalian semula, tertakluk kepada aplikasi susutnilai yang wajar, ke atas harta diinsuranskan yang rosak atau hilang sebagaimana ia pada masa berlakunya kerosakan atau kerugian sedemikian.

Sekiranya terdapat pada masa kerosakan atau kerugian tiada pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen, broker sah, pengedar sah atau kontraktor bangunan bagi harta yang diinsuranskan, penilaian hendaklah diperolehi daripada Adjuster Kerugian yang berlesen di bawah Akta Insurans 1963 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 dan hendaklah saling dilantik oleh kedua-dua pihak.

Penilaian harta yang diinsuranskan oleh pembuat, ejen tunggal sah atau ejen, ejen broker sah, pengedar sah, kontraktor bangunan, Adjuster Kerugian berlesen di bawah Akta Insurans 1963 atau Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 hendaklah dijadikan bukti muktamad berkaitan dengan nilai pasaran harta yang diinsuranskan dalam mana-mana prosiding guaman terhadap Syarikat

A44 – FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA (Diguna pakai Kepada Barangan Bukan-Stok Sahaja)

Sekiranya harta yang diinsuranskan di bawah (butiran) dalam Polisi musnah atau rosak, asas yang amaun kena dibayar di bawah (setiap butiran tersebut) Polisi dikira hendaklah kos mengganti dan mengembalikan semula di tapak yang sama, bangunan yang sama bentuk atau jenis tetapi tidak lebih daripada biasa atau lebih luas daripada harta yang diinsuranskan ketika baru, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga terma dan syarat Polisi kecuali setakat yang sama mungkin diubah dengan ini.

PERUNTUKAN KHAS

1. Kerja penggantian atau pengembalian semula (yang mungkin dijalankan ke atas tapak lain dan dalam apa-apa cara yang sesuai dengan keperluan Orang Yang Diinsuranskan tetapi tertakluk kepada liabiliti Syarikat tidak bertambah dengan itu) mesti dinnulakan dan dilaksanakan dengan segera yang munasabah dan bagaimanapun mesti disiapkan dalam masa 12 bulan selepas kemusnahan atau kerosakan atau dalam masa tambahan demikian sebagaimana Syarikat mungkin (semasa 12 bulan tersebut) secara bertulis membenarkan; sebaliknya tiada pembayaran dibuat melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Polisi jika memorandum ini tidak digabungkan di dalamnya.
2. Sehingga perbelanjaan telah ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk mengganti atau mengembalikan semula harta yang musnah dan rosak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pembayaran yang melebihi amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Polisi ini jika memorandum ini tidak digabungkan di dalamnya.
3. Jika sewaktu penggantian atau pengembalian semula jumlah yang merupakan kos yang mungkin dikenakan untuk penggantian atau pengembalian semula jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah melebihi jumlah yang diinsuranskan atasnya ketika tercetusnya sebarang kebakaran atau pada permulaan mana-mana kemusnahan atau kerosakan pada harta demikian oleh mana-mana peril lain yang diinsuranskan daripadanya oleh Polisi ini, maka Orang Yang Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai penanggung insuransnya sendiri bagi jumlah yang berlebihan dan akan menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian sepatutnya. Setiap butiran di dalam Polisi ini (jika melebihi daripada satu) kepada yang memorandum ini diguna pakai hendaklah secara berasingan tertakluk pada peruntukan sebelum ini.
4. Memorandum ini tidak akan berkuatkuasa atau berkesan jika Orang Yang Diinsuranskan gagal untuk memberitahu Syarikat dalam masa enam (6) bulan dari tarikh kemusnahan atau

kerosakan, atau masa tambahan demikian seperti yang Syarikat mungkin secara bertulis membenarkan, tujuan beliau untuk mengganti atau mengembalikan semula harta yang musnah atau rosak.

A45 - FASAL B PEMINDAHAN SEMENTARA

Harta yang diinsuranskan di bawah (butiran) Polisi ini dilindungi (terhad kepada 10% daripada jumlah yang diinsuranskan) ketika dipindahkan sementara untuk pembersihan, pengubahsuaian, modifikasi, pembaikan atau tujuan lain yang serupa di tempat lain di dalam premis yang sama atau ke mana-mana yang lain dan dalam transit kepadanya dan darinya melalui jalanraya, rel atau jalan air pedalaman semua dalam Malaysia, Republik Singapura dan Brunei Darussalam.

Amaun yang boleh diperolehi semula di bawah perluasan ini berkaitan dengan harta yang dipindahkan begitu tidak boleh melebihi amaun yang mungkin boleh diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di bahagian premis dari yang mana harta dipindahkan untuk sementara. Perluasan ini tidak diguna pakai kepada harta jika dan setakat is diinsuranskan sebaliknya, mahupun diguna pakai kepada butiran yang meliputi stok dan barang niaga berbagai-bagai jenis, mahupun berhubungan dengan kerugian yang berlaku di tempat lain kecuali di premis dari yang mana harta itu dipindahkan untuk sementara kepada:

- (i) Kenderaan Bermotor dan Casis Bermotor
- (ii) Harta (selain daripada mesin dan loji) dipegang oleh Orang Yang Diinsuranskan sebagai amanah.

A46 - FASAL PENILAIAN

Jika agregat tuntutan bagi mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5,000.00 atau 5% daripada jumlah diinsuranskan yang mana amaun lebih rendah dengan item terbabit, tiada inventori atau penilaian khas harta yang tak rosak diperlukan.

Jika dua atau lebih bangunan disertakan dalam satu item, peruntukan ini hendaklah diguna pakai kepada aneka jenis bangunan dan/atau kandungan dengan item yang terbabit.

A47 - FASAL TAMBAHAN MODAL

(Tidak boleh diguna pakai kepada stok perdagangan atau barang niaga)

Dengan ini insurans memperluaskan untuk melindungi perubahan, tambahan dan pembaikan (tetapi kenaikan nilai melebihi daripada jumlah yang diinsuranskan) kepada harta yang ditentukan dalam (Butiran) Polisi ini bagi amaun tidak melebihi berkaitan dengan setiap item 10% daripada jumlah diinsuranskan oleh setiap item atau RM500,000 yang mana kurang. Orang Yang Diinsuranskan berjanji untuk memberitahu Syarikat setiap tiga bulan tentang perubahan, tambahan dan pembaikan demikian dan membayar premium tambahan yang sesuai di atasnya..

A48 - FASAL PENJENISAN

Bagi tujuan untuk menentukan jika perlu butiran (tajuk ruang) di bawah yang mana sebarang harta diinsuranskan, Syarikat bersetuju untuk menerima penjenisan di bawah yang harta demikian dicatatkan di dalam buku Orang Yang Diinsuranskan

A49 - FASAL KECURIAN MELALUI PERDAYAAN (MENIPU)

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan menipu oleh seseorang dalam maksud definisi kesalahan menipu yang diterangkan di dalam Kanun Keseksaan. Menipu ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan sebagai:-

"Sesiapa, dengan memperdaya seseorang, dengan menipu atau dengan curang mendorong orang yang diperdaya begitu menyerah mana-mana harta kepada seseorang atau menyetuju yang seseorang menyimpan mana-mana harta, atau dengan sengaja mendorong orang yang diperdaya begitu untuk buat atau tinggalkan untuk buat apa saja yang dia tidak akan buat atau tinggalkan jika dia tidak

diperdaya begitu, dan yang perbuatan atau peninggalan menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau bahaya kepada orang itu pada badan, fikiran, reputasi atau harta, dikatakan 'menipu'

A50 - FASAL PECAH AMANAH JENAYAH (CBT)

Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau kerosakan disebabkan oleh atau berpunca daripada perbuatan pecah amanah jenayah (CBT) seseorang dalam maksud definisi kesalahan CBT yang diterangkan di dalam Kanun Keseksaan.

CBT ditakrifkan di dalam Kanun Keseksaan sebagai: -

"Sesiapa, dalam sebarang cara diamanahkan dengan harta, atau dengan sebarang penguasaan atas harta, dengan curang menggelapkan atau menukar kepada kegunaannya sendiri harta itu, atau dengan curang menggunakan atau menjual harta itu mencabuli mana-mana arahan undang-undang yang menetapkan cara yang amanah demikian dilaksanakan atau apa-apa kontrak undang-undang, nyata atau tersirat, yang dia telah buat menyentuh pelaksanaan atau amanah demikian atau dengan sengaja membiarkan mana-mana orang lain buat begitu melakukan Pecah Amanah Jenayah"

A51 - FASAL PENGEMBALIAN SEMULA KERUGIAN

Sebagai balasan Orang Yang Diinsuranskan berjanji membayar premium tambahan pada kadar yang dipersetujui atas amaun kerugian dikira atas asas pro-rata dari tarikh kerugian demikian ke tamat tempoh insurans semasa, dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian insurans di bawah ini hendaklah dikekalkan berkuatkuasa bagi jumlah yang diinsuranskan...

A52 - FASAL INSURANS BERSAMA DAN PENERAJU

Adalah dengan ini diperakui dan dipersetujui walaupun apa saja yang terkandung dalam Polisi atau mengenai apa-apa pengendorsan di atas ini yang sebaliknya bahawa sebarang rujukan kepada "Syarikat" hendaklah dianggap bermaksud Syarikat-Syarikat, yang ditentukan di dalam Jadual terhadap Fasal ini, setiap yang mana bersetuju bahawa jika semasa tempoh insurans yang dinyatakan di dalam Jadual, Orang Yang Diinsuranskan mengalami kerugian atau kerosakan dalam keadaan yang dibenarkan oleh Polisi ini mengganti rugi Orang Yang Diinsuranskan bagi bahagian yang ditetapkan bertentangan namanya tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat di sini atau dilampirkan bersama-sama ini atau diendorskan keatasnya.

Selanjutnya diperakui dan dipersetujui walaupun apa saja terkandung yang bertentangan bahawa penanggung insurans bersama yang utama dibenarkan untuk menandatangani Polisi/Pengendorsan/Resit Pembaharuan. Bagi semua maksud dan tujuan, Polisi ini hendaklah berkuatkuasa seolah-olah setiap syarikat insurans telah mengeluarkan polisi berasingan untuk bahagiannya masing-masing jumlah yang diinsuranskan.

A53 - FASAL MOGOK, RUSUHAN DAN KEKECOHAN AWAM

Adalah dipersetujui dan difahami bahawa selain tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung di dalam polisi atau diendors keatasnya dan tertakluk kepada Orang Yang Diinsuranskan telah membayar premium tambahan yang dipersetujui, polisi ini hendaklah diperluaskan untuk menyertakan kehilangan atau kerosakan harta yang diinsuranskan yang timbul secara langsung dari atau disebabkan oleh mogok, rusuhan dan kekecohan awam yang mana bagi tujuan fasal ini hendaklah bermaksud:-

1. Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama dengan yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak) yang bukan kejadian yang dinyatakan dalam pengecualian yang tersebut di sini.
2. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan dengan sah dalam penumpasan atau cuba menumpas mana-mana kekacauan demikian atau dalam

mengurangkan akibat daripada mana-mana kekacauan demikian.

3. Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dilakukan untuk melanjutkan mogok atau menentang penyekatan masuk.
4. Tindakan mana-mana pihak berkuasa yang ditubuhkan dengan sah dalam menghalang atau cuba untuk menghalang apaapa perbuatan demikian atau mengurangkan akibat daripada mana-mana perbuatan demikian.

PENGECUALIAN

Dengan sentiasa menjadi syarat bahawa Syarikat tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat daripada, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kejadian berikut, iaitu: -

- (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara.
- (b) Dahagi, kekecohan awam yang mengandaikan kadar atau mencapai kepada kebangkitan orang ramai, kebangkitan tentera, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera.
- (c) Perbuatan atau pengganasan yang dilakukan oleh orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan manamana organisasi.

Untuk tujuan Syarat ini, "pengganasan" bermaksud penggunaan keganasan untuk tujuan politik dan termasuk penggunaan keganasan untuk tujuan menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain apabila Syarikat mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan Syarat ini apa-apa kerugian atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan yang kerugian atau kerosakan demikian dilindungi hendaklah terletak pada Orang Yang Diinsuranskan.

Nota: Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan di gunapakai